

# LAPORAN TAHUNAN 2011





## Kandungan

Misi, Visi dan Objektif	2
Perutusan Yang Dipertua	3
Carta Organisasi Majlis Daerah Hulu Selangor	4
Piagam Pelanggan	5
Barisan Ahli Majlis MDHS	6
Plan Pentadbiran Majlis Daerah Hulu Selangor	7
Plan Gunatanah Majlis Daerah Hulu Selangor	8
Jabatan Khidmat Pengurusan	9
Jabatan Perbendaharaan	15
Jabatan Kawalan Bangunan	25
Jabatan Pembangunan Dan Penyelenggaraan	29
Jabatan Perancangan Pembangunan	35
Jabatan Perkhidmatan Bandar Dan Persekutaran	41
Jabatan Landskap	53
Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta	61
Jabatan Belia Dan Kemasyarakatan	71
Bahagian Pelesenan	77
Bahagian Teknologi Maklumat	83
Bahagian Penguatkuasaan Dan Keselamatan	89
Unit Pusat Setempat (OSC)	97
Cawangan Pesuruhjaya Bangunan (COB)	103
Unit Audit Dalam	109
Unit Aduan, Perhubungan Awam Dan Korporat	113
Unit Perundangan	125
Bahagian: Maklumat Asas	129
Aktiviti Bergambar	133



## Misi

Memberi perkhidmatan perbandaran yang cekap dan berkualiti bagi mewujudkan persekitaran yang harmoni, selesa dan makmur.

## Visi

Menyediakan satu kawasan dan perbandaran yang maju, berteknologi tinggi dan mesra alam.

## Objektif

Memberi serta menyediakan perkhidmatan perbandaran kepada semua penduduk dalam kawasan Majlis Daerah Hulu Selangor



## Perutusan Yang Dipertua

Syukur ke hadrat Allah S.W.T atas limpah rahmatnya jua akhirnya Buku Laporan Tahunan 2011 dapat diterbitkan. Sesungguhnya Laporan Tahunan ini merupakan dokumen penting dalam sesebuah organisasi kerana ia mencatatkan maklumat asas mengenai MDHS dan melaporkan aktiviti aktiviti yang dijalankan oleh pihak MDHS sepanjang tahun. Ianya dapat menjadi sumber rujukan kepada masyarakat dalam menilai mutu perkhidmatan yang diberikan. Buku ini juga dapat menterjemahkan usaha usaha yang telah dibuat bagi mencapai MISI dan VISI MDHS.


Melalui pendekatan "Daripada Anda Untuk Anda" MDHS mahu berada lebih dekat dengan masyarakat. Ini dibuktikan melalui program bersama yang telah dijalankan yang mana penduduk, Badan NGO, pemimpin masyarakat, warga industri turut sama memberi buah fikiran dan pandangan serta bersama melaksanakan program yang dirancang. Hubungan ini dilihat sebagai pemangkin utama dalam usaha membangunkan semula Hulu Selangor sebagai Bandar baru. Justeru, adalah menjadi tanggungjawab kita bersama untuk memberikan komitmen yang jitu dalam menghasilkan produktiviti dan kualiti perkhidmatan yang diinginkan.

Akhir kata, besarlah harapan saya agar seluruh warga kerja Majlis Daerah Hulu Selangor dapat meneruskan kecemerlangan dalam perkhidmatan ini dan sentiasa bersedia melaksanakan amanah dengan penuh rasa tanggungjawab.

Sekian, terima kasih.

HAJI TUKIMAN BIN NAIL  
AMS.,PPT.,PJK.  
Yang Dipertua  
Majlis Daerah Hulu Selangor

# Carta Organisasi Majlis Daerah Hulu Selangor



## Piagam Pelanggan

- Memproses permohonan pelan pemajuan dalam tempoh 3 bulan.
- Memproses permohonan remisi dalam tempoh 6 bulan.
- Memastikan aduan diberi maklum balas dalam tempoh 1 hari.
- Menguruskan sisa pepejal 3 kali seminggu di kawasan perumahan dan setiap hari di kawasan komersial.
- Pemotongan rumput sebulan sekali di kawasan lapang/ bahu jalan serta 2 kali sebulan di kawasan padang bola/taman permainan.
- Pembersihan parit dan longkang 2 kali setahun.
- Membaikpulih kerosakan kecil pada infrastruktur dalam rezab awam dalam tempoh 1 bulan.
- Memproses permohonan lesen perniagaan, lesen iklan, lesen hiburan awam dan lesen penjaja dalam tempoh 2 bulan.
- Memproses permohonan lesen bagi aktiviti perniagaan yang tidak berisiko dalam tempoh 1 hari.

**BARISAN AHLI MAJLIS  
MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR  
SESSI 2010-2011**




Berdiri Dari Kiri: Encik Harun bin Abdullah, Puan June Leow, Cik Chua Yee Ling, Tuan Dr. G. Sukhdev Singh Ranu, Encik Law Say Hin, Encik Chan Kok Siew, Encik Suppiah a/l Kurusamy, Encik Chandran a/l Subramaniam, Encik Chan Fook Heng, Encik Sazali bin Nor Saham, Puan Law Suet Peng, Puan Kamaliyah binti Bien, Cik Yong Chan Hee, Encik Rames a/l Ittan


Duduk Dari kiri: Encik Hamiruddin bin Parman, Encik Mahyuddin bin Ismail, Encik Mat Rahat bin Ibrahim, Encik Radzali bin Mokhtar, Y.D.H Dato' Haji Aman Shah bin Mohd Shahar, Tuan Tukuman bin Nail, Encik Azman bin Dahlan, Puan Mai binti Mt. Zin, Encik Ong Thiam Hock, Tuan Haji Abdul Wahid bin Basri, Encik Mohammed Salleh bin Ri.

Tiada Dalam : Cik Look See Moo,  
Gambar

## PELAN PENTADBIRAN MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR



## PELAN GUNATANAH DAERAH HULU SELANGOR 2020



# Jabatan Khidmat Pengurusan



**1) FUNGSI / OBJEKTIF:**

- Mewujudkan sistem pentadbiran yang cekap dan pengurusan tenaga manusia yang berdaya saing serta berdaya maju selaras dengan kehendak organisasi.
- Melahirkan kakitangan yang komited, produktif, berkualiti dan bertanggungjawab di dalam memantapkan dan menjayakan matlamat organisasi.

**2) OBJEKTIF JABATAN**

- Mewujudkan sistem pentadbiran yang cekap dan pengurusan tenaga manusia yang berdaya saing serta berdaya maju selaras dengan kehendak organisasi.
- Melahirkan kakitangan yang komited, produktif, berkualiti dan bertanggungjawab di dalam memantapkan dan menjayakan matlamat organisasi.

**3) AKTIVITI JABATAN**

**a) ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2010**

Pemberian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) kepada kakitangan awam adalah berdasarkan pekeliling perkhidmatan bil. 4 tahun 2002. APC merupakan penghargaan kerajaan kepada anggota perkhidmatan awam yang telah memberi perkhidmatan yang cemerlang. Perkhidmatan Cemerlang adalah perkhidmatan yang diberikan oleh seorang anggota perkhidmatan awam yang mutunya atau penghasilannya melebihi daripada keperluan tanggungjawab biasa bagi jawatannya. Perkhidmatan yang diberikan itu boleh dijadikan contoh atau ikutan, serta memberi pengaruh yang mengerakkan kecergasan bekerja dan daya usaha anggota perkhidmatan awam yang lain.


Insentif Dan Hadiah APC Adalah Seperti Berikut:

- Sijil Perkhidmatan Cemerlang
- Hadiah prestasi berjumlah RM1,000.00
- Peluang dan keutamaan untuk memajukan kerjaya seperti menghadiri kursus,seminar atau persidangan yang boleh menyumbang kepada peningkatan prestasi kerja.
- Peluang dan keutamaan bagi pencalonan untuk menerima pingat,bintang dan darjah kebesaran Persekutuan dan Negeri, dan
- Nama dan gambar penerima dipamerkan dan pejabat di lokasi yang strategi atau yang biasa dikunjungi oleh orang ramai.

**Keputusan**

<b>BIL</b>	<b>NAMA</b>	<b>JAWATAN</b>
1	Shaiful Rizza Bin Hj. Piamin	Akauntan (W41)
2	Kasimah Bt. Daud	Pen. Pegawai Senibina (J29)
3	Norazimah Bt. Mohd Arshad	Pen. Jurukur Bahan (J29)
4	Mohd Hazhman Bin Haron	P. Peg. Perancang Bdr & Desa (J29)
5	Zol Himee Bin Hj. Omar	Pembantu Tadbir (P/O) - (N22)
6	Alfian Bin Mazlan	Juruteknik (J17)
7	Nor Hidayah Bt. Mohd Nor	Pembantu Akauntan (W17)
8	Junaidah Bt. Ramli	Pembantu Penilaian (W17)
9	Kokilavani A/P Thandavarayan	Pembantu Tadbir (P/O) - (N17)
10	Mohd Faiz Akmal Bin Yahya	Pembantu Tadbir (P/O) - (N17)
11	Ruziyana Bt. Abu Hassan	Pembantu Tadbir (P/O) - (N17)
12	Shahida Bt. Samsudin	Pembantu Tadbir (P/O) - (N17)
13	Noorain Bt. Baharum	Pembantu Tadbir (P/O) - (N17)
14	Abd Rahman Bin Ismail	Pembantu Tadbir (P/O) - (N17)
15	Hanizam Bin Abdul Ghani	Pembantu Penguatkuasa (N17)
16	Mohd Azlan Bin Mahmud	Pembantu Penguatkuasa (N17)
17	Mohd Shahril Bin Hasanudin	Pembantu Am Pejabat (N1)
18	Idrus Bin Parman	Pekerja Awam (R4)
19	Ahmad Bin Tajuddin	Pekerja Awam (R4)
20	Devadason A/L Lazar	Pekerja Awam (R4)
21	Idris Bin Hj. Ishak	Pekerja Awam (R4)
22	Kumaranaidu A/L Appannah	Pekerja Awam (R4)
23	Muhammad Azmi Bin Yusoff	Pekerja Awam (R4)
24	Sinappan A/L Subramaniam	Pekerja Awam (R1)
25	Sambri Bin Etem	Pekerja Awam (R1)
26	Fadly Bin Mohd Sidek	Pekerja Awam (R1)

4) CARTA ORGANISASI JABATAN





## 5) a) JUMLAH PINJAMAN TAHUN 2011

BIL	PERKARA	JUMLAH (KUANTITI)
1.	PERUMAHAN	5
2.	MOTOSIKAL	-
3.	KERETA	-
4.	KOMPUTER	12

## b) JUMLAH KENDERAAN

BIL	PERKARA	JUMLAH (KUANTITI)
1.	MOTOSIKAL	1
2.	KERETA	18
3.	VAN	2
4.	PAJERO/MPV/4WD	11
5.	JENTERA	1
6.	LORI	14

## c) MAKLUMAN PENJAWATAN MENGIKUT KAUM

BIL	KUMPULAN PERKHIDMATAN	KAUM					
		MELAYU	CINA	INDIA	BUMIPUTERA	LAIN-LAIN	JUMLAH
1.	PENGURUSAN & PROFESIONAL	10	-	-	1	-	11
2.	SOKONGAN	292	2	48	6	-	348

## d) MAKLUMAN PENJAWATAN MENGIKUT JANTINA

BIL	KUMPULAN PERKHIDMATAN	JANTINA		
		LELAKI	PEREMPUAN	
1.	PENGURUSAN & PROFESIONAL	10		1
2.	SOKONGAN	261		87
<b>JUMLAH</b>		<b>271</b>	<b>88</b>	

## e) MAKLUMAN ANGGOTA MDHS YANG BERSARA PADA 2011

BIL	NAMA	JAWATAN & GRED JAWATAN	TARIKH LAHIR	TARIKH & UMUR BERSARA	TEMPOH PERKHIDMATAN
1	Toremanikam A/L Sinniah K/P: 551001-10-6159	Pekerja Awam (R1)	01.10.1955	01.10.2011 (56 Tahun) Persaraan Paksa	27 Thn 9 Bln
2	Zainudin Bin Abd Aziz K/P: 531112-10-5513	Pekerja Awam (R4)	12.11.1953	12.11.2011 (58 Tahun)	30 Thn 2 Bln 4 Hari
3	Abd Rahman Bin Ismail K/P: 551229-10-6139	Pembantu Tadbir (N17) (KUP)	29.12.1955	29.12.2011 (56 Tahun)	35 Thn 1 Bln 28 Hari
4	Ramasamy A/L Arulappan	Pekerja Awam Khas (R3)	09.06.1954	09.03.2011 (57 Tahun)	36 Thn 11 Bln 8 Hari

**f) PENGURUSAN LATIHAN MDHS**

<b>BIL</b>	<b>BULAN</b>	<b>JUMLAH LATIHAN</b>	
		<b>DALAMAN</b>	<b>LUARAN</b>
1.	January	3	9
2.	February	2	7
3.	March	2	20
4.	April	5	24
5.	May	3	19
6.	June	4	22
7.	July	1	20
8.	August	-	8
9.	September	-	13
10.	October	2	17
11.	November	1	16
12.	December	3	18
<b>JUMLAH</b>		<b>26</b>	<b>193</b>

**UNIT SETOR**
**• PENDAFTARAN ASET DAN INVENTORI**

<b>BIL</b>	<b>PERKARA</b>	<b>JUMLAH (KUANTITI)</b>
1.	REKOD DAFTAR HARTA MODAL	120
2.	REKOD DAFTAR INVENTORI	1581

**• PEMERIKSAAN KE ATAS ASET HARTA MODAL DAN INVENTORI**

<b>BIL</b>	<b>PERKARA</b>	<b>JUMLAH (KUANTITI)</b>
1.	BILANGAN ASET	1701
2.	BILANGAN ASET ROSAK	-
3.	BILANGAN MESYUARAT	4 Kali /Setahun

# Jabatan Perbendaharaan



**1) OBJEKTIF**

- i) Membina imej akauntabiliti Majlis melalui pengurusan sistem belanjawan, kewangan dan perakaunan yang cekap dan berkesan serta bertanggung jawab bagi segala urusan pentadbiran perakaunan dan hal ehwal kewangan majlis.

**2) FUNGSI**

- i) Memberi nasihat kepada Majlis dalam hal ehwal kewangan Majlis dengan cara merancang kewangan, mengkaji dan menyusun belanjawan. Mengawal perbelanjaan dan pembayaran mengikut tatacara kewangan dan undang-undang, mencari sumber kewangan dan mengawal serta memungut hasil dengan cara yang berkesan. Menguruskan tatacara pengurusan aset dengan teratur. Merekod semua urusan kewangan dengan mengikut transaksi perakaunan dan menyediakan penyata kewangan Majlis.

**3) LAPORAN PRESTASI SASARAN TAHUNAN 2011**

- i) Memberi perkhidmatan perbendaharaan kepada pelanggan yang terdiri dari warga anggota kerja, jabatan dalaman Majlis, organisasi/jabatan luar dan orang awam dengan cekap dan berkesan berdasarkan kepada peraturan-peraturan kewangan yang berkuatkuasa.
- ii) Bermotarkan "KETELUSAN TERAS PERKHIDMATAN KAMI", jabatan mengamalkan Sistem Kewangan yang telus melalui :-
- Penekanan kepada perlaksanaan Akta Kerajaan Tempatan 1976, Akta Acara Kewangan, Undang-undang Kecil, Arahan Perbendaharaan serta Pekeliling Pekeliling Perbendaharaan, Perintah Tetap Majlis & Keputusan Mesyuarat Bulanan Majlis.
  - Mengelakkan Sijil Bersih Penyata Kewangan yang diperolehi sejak tahun 1999.
  - Memperkuuhkan sistem kutipan hasil melalui penerokaan berterusan terhadap kaedah kutipan hasil yang baru, moden & mudah.
  - Melancarkan tugas jabatan dalaman Majlis dalam memberikan perkhidmatan mereka terhadap pelanggan dan dengan cara ini membayar cukai akan lebih yakin dan mudah bekerjasama dalam membayar cukai taksiran.

**4) AKTIVITI JABATAN**

**BAHAGIAN HASIL**

**Unit Kaunter**

- Memastikan kaunter dan sekitar ruang pelanggan bersih dan teratur.
- Melayan pertanyaan dan aduan pelanggan terhadap hasil.
- Menerima kutipan cukai taksir dan lain-lain hasil di kaunter.
- Posting kutipan harian.
- Menyemak pendapatan/ kutipan harian.
- Membuat laporan harian.
- Penyemakan akhir dan uruskan penghantaran ke bank.

**Unit Operasi**

- Mengenalpasti dan menyelanggara data tunggakan cukai taksir.
- Operasikan penguatkuasaan undang-undang berkaitan tunggakan cukai taksiran serta tatacara yang bersangkutan dengannya.
- Mengurus dan menyelenggara kenderaan Jabatan Perbendaharaan.
- Membantu melancarkan tugas unit-unit lain yang melibatkan aktiviti luar pejabat.



### **Unit Cukai**

- Melayan pertanyaan dan aduan pelanggan.
- Kenaan cukai taksir dan penyediaan bil cukai taksir.
- Penghantaran bil cukai taksiran.
- Penyelenggaraan dan pelarasan data cukai taksir.
- Penyelenggaraan dan pengeluaran notis borang E.
- Penelenggaraan bayaran ansuran cukai taksir
- Penyediaan segala penyata dan laporan berkaitan cukai taksir.

### **Unit Sewaan**

- Kenakan sewaan dan penyediaan bil sewaan bulanan.
- Penghantaran bil sewaan.
- Penyelenggaraan dan pelarasan data sewaan.
- Penyediaan segala penyata dan laporan berkaitan sewaan.
- Terlibat menguatkuaskan undang-undang berkaitan sewaan.

## **BAHAGIAN PERBELANJAAN**

### **Unit Pembayaran**

- Mengurus pembayaran semua tuntutan perbelanjaan.
- Menyelenggara buku vot manual dan berkomputer.
- Menyelenggara buku daftar bil, buku kawalan baucer.
- Menyediakan baucer-baucer bayaran.
- Menyediakan cek dan menguruskan penyerahannya dengan selamat.
- Merangka perlaksanaan 'EFT'

### **Unit Payroll**

- Menyediakan penyata gaji, penyata potongan-potongan gaji, slip gaji dan surat arahan kepada bank.
- Menguruskan tuntutan bayaran kepada kumpulan wang simpanan, kumpulan wang amanah dan lain-lain institusi yang terlibat dengan potongan gaji.
- Menyediakan penyata saraan tahunan untuk kakitangan dan pekerja bagi tujuan cukai pendapatan.
- Mengurus tuntutan elauang anggota, ahli Majlis dan pegawai jemputan.
- Mengurus tuntutan pembayaran bil-bil utiliti.
- Penyelenggaraan dan pelarasan data payroll dan utiliti.
- Merangka perlaksanaan sistem 'salary crediting facility' bagi pembayaran gaji.

### **Unit Bajet & Sektor**

- Menyediakan belanjawan tahunan Majlis.
- Penyelenggaraan rekod dan data-data belanjawan (hasil & perbelanjaan).
- Penyediaan segala penyata dan laporan berkaitan belanjawan.
- Menganalisa prestasi pencapaian sebenar berbanding belanjawan.
- Mengawal belanjawan dan aliran wang tunai Majlis.
- Mengurus viremen & pengstruktur semula bajet.
- Urusetia mesyuarat, jawatankuasa kecil penilaian kewangan, akaun dan audit.
- Urusan penyelenggaraan daftar inventori dan aset.
- Urusan penyetoran inventori dan aset.
- Urusan pelupusan dan hapuskira inventori dan aset.
- Urusetia Mesyuarat Pengurusan Aset dan Inventori.
- Penyediaan penyata dan laporan berkaitan aset dan inventori.

### **Unit Akaun**

- Menyelenggara semua rekod-rekod perakaunan.
- Membuat penyata penyesuaian bank.
- Menyelenggara wang amanah dan deposit.
- Mengurus simpanan / pelaburan rezab.




5) INOVASI YANG DILAKUKAN

- i) Mempelbagaikan Pembayaran Secara 'On-Line' & 'over the counter'



- MDHS telah bekerjasama dengan 21 agensi bagi mewujudkan 14 Saluran pembayaran secara 'on-line' dan 2,412 saluran pembayaran secara 'over the counter' di seluruh Malaysia.
- Ini memberi peluang & kemudahan kepada pelanggan untuk membuat bayaran di mana sahaja mereka berada tanpa perlu hadir ke Pejabat MDHS





ii) **Susun Atur Kaunter Pembayaran**

- Susunatur mengambilkira keselesaan pelanggan ketika menunggu membuat pembayaran



iii) **Memperkenalkan Kotak Senyum**

- Diwujudkan bagi tujuan untuk mengukur kepuasan pelanggan ketika berurusan di kaunter pembayaran. Ianya memudahkan pelanggan untuk memberi respon



iv) Menyediakan perkhidmatan kutipan 'turun padang'

- Bagi ibu hamil, orang kelainan upaya dan warga emas, sila arut temujanji. Kami akan turun menemui anda untuk kutipan pembayaran. Urusniaga boleh dilakukan secara tunai, cek & kad (kredit, debit, bank)



v) Mesin Kiosk Pembayaran & ATM

- Bagi pelanggan yang inginkan kepentasan dalam membuat pembayaran di pejabat MDHS, Kiosk pembayaran disediakan untuk menerima pembayaran samada secara tunai, cek, kad kredit dan kad debit sepanjang masa 24 jam sehari setiap hari tanpa henti
- Mesin ATM turut disediakan bagi kemudahan para pelanggan dan orang awam untuk pengeluaran wang mendeposit wang dan mendeposit cek



vi) Menyediakan mesin 'wireless card reader' untuk kutipan luar


- Bagi kemudahan pelanggan yang tidak mempunyai tunai secukupnya ketika MDHS membuka kaunter kutipan luar atau ketika operasi penguatkuasaan kutipan cukai atau ketika kutipan 'turun padang' di lakukan.





vii) Pembayaran melalui 'electronic fund transfer' (EFT)


- MDHS komited dalam menyegearkan segala pembayaran kepada pihak yang menuntut. Oleh itu kaedah EFT digunakan sebagai medium pembayaran. Kini MDHS mampu membuat pembayaran dalam tempoh 8 hari.
- Proses penyediaan baucer masih menggunakan sistem 'cobolt' lama namun suatu aturan perlu disediakan untuk dimuat naik kepada sistem 'oracle' bank pembayar. Dengan cara ini MDHS tidak perlu berbelanja besar untuk menaik taraf sistem sediaada.
- Proses kelulusan pembayaran boleh dilakukan dimana-mana sahaja oleh pelulus pembayaran kerana sistem dari bank pembayar adalah bersifat 'web based'. Pelulus bayaran menggunakan 'digital signature' bagi tujuan ini dan penerima akan terus menerima bayaran sebaik sahaja kelulusan diberikan.



viii) Penggunaan 'paperless' Baucer Bayaran EFT

- Setiap penerima bayaran akan dibekalkan baucer bayaran secara 'soft copy' yang dihantar melalui email mereka.
- Melalui pendekatan ini MDHS dapat mendidik warga Hulu Selangor mengenai ICT dan disamping itu kehijauan alam sekitar akan lebih terpelihara seperti pepatah berikut:-


***"Easier saving paper than planting trees".***



- ix) Pemakluman pembayaran secara SMS
- Pemakluman kepada pemohon tentang status pembayaran terhadap mereka dilakukan melalui Sistem Pesanan Ringkas (SMS).
  - Mereka akan terus dimaklumkan sebaik sahaja pembayaran berjaya dilaksanakan. Kini Perbendaharaan MDHS tidak lagi menerima panggilan untuk bertanyakan tentang status pembayaran




## 6) CARTA ORGANISASI JABATAN






## 7) MAKLUMAT AM KEWANGAN

**TREND KUTIPAN HASIL:**


	<b>2007</b>	<b>2008</b>	<b>2009</b>	<b>2010</b>	<b>2011</b>
Hasil Cukai	70%	75%	64%	65%	69%
Bukan Cukai	13%	14%	11%	12%	16%
Bukan Hasil	17%	11%	25%	24%	15%





JENIS HASIL	2007	2008	2009	2010	2011
Cukai Taksiran Am	23,710,370.63	26,516,311.38	24,212,907.29	26,490,328.60	30,241,362.51
Lesen, Pendaftaran Dan Permit	1,027,888.60	1,052,878.80	1,015,982.00	846,920.00	1,296,259.00
Perkhidmatan	1,469,201.44	1,088,046.67	1,116,760.17	1,358,259.50	2,714,136.03
Jualan	69,528.40	136,518.85	154,483.00	106,176.25	132,360.35
Sewaan	545,188.73	623,428.78	744,463.51	911,443.17	976,636.87
Faedah	5,121.47	7,220.70	16,306.52	14,651.82	25,937.92
Denda Dan Hukuman	1,082,835.38	1,470,075.13	1,290,968.34	1,386,522.17	1,386,002.91
Pulangan Balik Perbelanjaan	161,362.67	139,317.49	85,633.98	82,510.06	141,310.11
Terima Dari Agensi Luar	5,623,916.91	3,809,207.56	9,109,977.64	9,693,825.59	7,220,391.34
Lain - lain	99,079.00	326,648.00	192,069.65	244,530.00	64,373.37
<b>Jumlah Kutipan</b>	<b>33,784,475.23</b>	<b>35,159,722.36</b>	<b>37,940,025.10</b>	<b>41,112,491.16</b>	<b>44,196,116.41</b>

	2007	2008	2009	2010	2011
Emolumen	18%	21%	23%	24%	26%
Perh & Bekalan	72%	75%	72%	72%	69%
Aset	1%	1%	1%	1%	1%
Pembangunan	9%	3%	4%	3%	4%



# Jabatan Kawalan Bangunan



1) **FUNGSI**

- Memastikan pembangunan mengikut garis panduan serta syarat-syarat yang ditetapkan oleh Jabatan Teknikal serta MDHS.
- Memastikan pembangunan yang dilaksanakan adalah selaras dengan perancangan yang dirancangkan.
- Mengawal pertumbuhan pembangunan tanpa kebenaran pihak MDHS.
- Memastikan pemaju/ pemilik/ orang ramai amnya mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak MDHS.
- Memberi keselesaan kepada orang ramai agar bangunan yang dibina memberi keselesaan dari segi pengudaraan, persekitaran yang bersih, dimensi bangunan yang selesa serta selamat untuk diduduki.

2) **LAPORAN PRESTASI SASARAN TAHUNAN 2011**


BIL	FUNGSI JABATAN	SASARAN 2011	JUMLAH PERMOHONAN	PENCAPAIAN 2011	PERATUS (%)
1	Tuntutan Cagaran	1 bulan	224	190	85%
2	Kelulusan pelan 24 jam	24 jam @ 1 hari	315	263	83%
3	Kelulusan pelan bangunan melalui Unit Pusat Setempat (OSC) - perumahan, kedai, kilang, dewan dan lain-lain.	1 bulan	132	59	45%
4	Mengeluarkan Sijil Layak Menduduki (CFO).	14 hari	15	15	100%
5	Ulasan Permohonan Lesen	14 hari	366	320	87%
6	Penyelesaian Sistem Aduan	14 hari	30	30	100%
7	Pemantauan Zon Kawasan. <b>Zon Utara:</b> Hulu Bernam, Kerling, Kalumpang, Sungai Gumut, Kuala Kubu Bharu, Rasa, Batang Kali, Hulu Yam. <b>Zon Selatan:</b> Serendah, Bukit Beruntung, Bukit Sentosa, Sungai Buaya, Taman Bunga Raya.	Dari masa ke semasa	350	350	100%
8	Permit Bangunan Sementara	14 Hari	64	38	59%



### 3) AKTIVITI JABATAN

- Tuntutan cagaran.
- Kelulusan pelan 24 jam.
- Kelulusan pelan bangunan melalui Unit Pusat Setempat (OSC) - perumahan, kedai, kilang, dewan dan lain-lain.
- Mengeluarkan Sijil Layak Menduduki (CFO).
- Ulasan Permohonan Lesen.
- Penyelesaian Sistem Aduan.
- Pemantauan Zon Kawasan.  
Zon Utara - Hulu Bernam, Kerling, Kalumpang, Sungai Gumut, Kuala Kubu Bharu, Rasa, Batang Kali, Hulu Yam.  
Zon Selatan - Serendah, Bukit Beruntung, Bukit Sentosa, Sungai Buaya, aman Bunga Raya.
- Permit Bangunan Sementara.

### 4) CARTA ORGANISASI JABATAN



**5) BILANGAN PERMOHONAN PELAN 2011**

BIL	JENIS PEMERIKSAAN	JUMLAH
1.	Kemajuan kerja di tapak	122
2.	Kelulusan 24 jam bagi rumah individu	315
	<b>JUMLAH</b>	<b>437</b>

**Ulasan**

Bagi permohonan yang telah menjalankan pembinaan sebelum kelulusan, dikenakan pelarasan fee sebanyak sepuluh (10) kali ganda daripada fee proses pelan

**6) BILANGAN KELULUSAN PERMOHONAN SIJIL LAYAK MENDUDUKI (CF)**

BIL	KELULUSAN PELAN	JUMLAH
<b>KELULUSAN KESELURUHAN CF</b>		
1	KEDIAMAN	495
2	BUKAN KEDIAMAN	17
<b>KELULUSAN CF DALAM TEMPOH 14 HARI</b>		
1	KEDIAMAN	397
2	BUKAN KEDIAMAN	17

**Ulasan**

Kelewatan proses adalah disebabkan laporan teknikal tidak lengkap

**7) BILANGAN PEMBINAAN TANPA KEBENARAN 2011**

BIL	PERKARA	JUMLAH
1	PEMBINAAN TANPA KEBENARAN	350
2	BANGUNAN TANPA CF	2020
3	TINDAKAN DIAMBIL	350
<b>JUMLAH</b>		<b>2720</b>

**Ulasan**

Meminta pemaju menyiapkan jalan masuk utama dua hala dan kini kemajuan 90% siap

# Jabatan Pembangunan Dan Penyelegaraan



**1) FUNGSI**

- Mengurus penyelenggaraan dan pembaikan pada sistem infrastruktur dan kemudahan awam supaya berfungsi dengan baik dan sempurna. Ini termasuk menerima aduan awam dan pihak-pihak yang berkennaan dan seterusnya membuat siasatan dan tindakan susulan. Sistem infrastruktur yang terlibat adalah dikategorikan kepada yang berikut:
  - i. Infrastruktur awam di kawasan rezab jalan iaitu jalan, parit dan lampu jalan
  - ii. Bangunan awam iaitu dewan, pasar, gerai, pondok perhentian bas, gelanggang, quarters dan lain-lain lagi
- Mengurus pembinaan dan pembangunan projek-projek majlis yang telah diluluskan termasuk peruntukan yang dibiayai Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri sehingga siap untuk diserah alih
- Memberi ulasan dan memproses kelulusan permohonan pelan-pelan pembangunan kategori kerja tanah, jalan /parit dan lampu jalan daripada pihak swasta, individu dan sebagainya sehingga ke peringkat pemeriksaan untuk CFO / CCC
- Mengurus permohonan aktiviti pembinaan dan pemasangan sesalur, talian, tiang di dalam rezab jalan termasuk permit sementara
- Mengurus permohonan individu / syarikat untuk perkhidmatan pengangkutan awam seperti bas, teksi, bas pekerja dan sebaginya

**2) LAPORAN PRESTASI SASARAN TAHUNAN 2011**

AKTIVITI / FUNGSI	NO	SASARAN	STRATEGI	PRESTASI 2011( % )
(1) Unit Pentadbiran & Pengurusan Kontrak.	1	Mengurus hal-hal pentadbiran Jabatan termasuk urusan simpanan fail, dokumen am, penyediaan bajet, dan perancangan kerja Jabatan dengan sasaran tahunan; <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Mesyuarat perancangan dan pengurusan Jabatan diadakan 6 kali setahun.</i></li> </ul>	Mematuhi prosedur & amalan kejuruteraan / ISO  2 bulan sekali	100 %




AKTIVITI / FUNGSI	NO	SASARAN	STRATEGI	PRESTASI 2011( % )
	3	Mengurus permohonan surat sokongan untuk permit LPKP dan yang berkaitan dengan sasaran tahunan 100 % pengeluaran surat sokongan dikeluarkan dalam tempoh 14 hari dari tarikh terima.		100 %
	4	Mengurus dan menyelaras sistem aduan on-line bagi aduan awam yang berkaitan dengan Jabatan dengan sasaran tahunan 100 % maklumbalas dihantar ke unit PRO dalam tempoh 14 hari dari tarikh terima.	Mematuhi prosedur Jabatan / ISO	100 %
	5	Urusetia kepada Mesyuarat Jawatankuasa Sebutharga & Tender MDHS & penyediaan Lapuran Perakuan Tender untuk Jabatan dengan sasaran tahunan;	Mematuhi prosedur Jabatan / Arah Perbendaharaan / ISO	100 %
		<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>100 % minit mesyuarat disiapkan dalam tempoh 5 hari dari tarikh mesyuarat</i></li> <li>• <i>Menyiapkan pengkalan data senarai kontraktor yang telah ditawarkan kerja untuk kegunaan Ahli Lembaga semasa bersidang bermula Jun 2009.</i></li> </ul>		
(2) Unit Kejuruteraan	1	Mengurus semakan, ulasan & memproses kelulusan permohonan pelan-pelan pembangunan bagi Kerja Tanah, Jalan & Parit, Lampu Jalan dan Kebenaran Merancang <b>dengan sasaran tahunan 100 % ulasan dikeluarkan kepada pemohon dalam tempoh 14 hari dari tarikh terima.</b>	Mematuhi prosedur & amalan kejuruteraan / ISO	100 %
	2	Mengurus pemeriksaan siap kerja infrastruktur di tapak projek ( Pemaju ) dan memproses ulasan / sokongan siap kerja untuk CF / CCC / Serah Alih Rezab Awam <b>dengan sasaran tahunan 100 % ulasan dikeluarkan dalam tempoh 14 hari dari tarikh tarikh terima.</b>	Mematuhi prosedur & amalan kejuruteraan / ISO	100 %
	3	Membuat pemantauan & operasi OPS Lumpur ke atas pematuhan syarat-syarat kerja tanah <b>dengan sasaran tahunan 100 % lawatan ke lokasi projek yang disenaraikan dilakukan 12 kali setahun.</b>	Mematuhi prosedur & amalan kejuruteraan / ISO	60 %
	4	Mengurus permohonan permit pengorekkan kerja di atas rezab jalan termasuk ulasan pembinaan papan tanda <b>dengan sasaran tahunan 100 % ulasan dikeluarkan dalam tempoh 14 hari dari tarikh terima.</b>	Mematuhi prosedur & amalan kejuruteraan / ISO	90 %
	5	Menyelaras tindakan untuk Mesyuarat J/Kuasa OSC bagi pelan Kerja Tanah,Jalan & Parit, Lampu Jalan <b>dengan sasaran tahunan 100% kertas kerja pembentangan diseiakan tidak lewat 3 hari dan tarikh Mesyuarat bersidang.</b>	Mematuhi prosedur & amalan kejuruteraan / ISO	100 %

<b>AKTIVITI / FUNGSI</b>	<b>NO</b>	<b>SASARAN</b>	<b>STRATEGI</b>	<b>PRESTASI 2011( % )</b>
(3) Unit Pengurusan Projek	1	Merancang sesuatu perlaksanaan projek / kerja termasuk pengambilan maklumat awal seperti pemeriksaan tapak, pengukuran awal dan penyediaan kertas kerja cadangan dengan sasaran tahunan 100 % kertas cadangan disediakan dalam tempoh 1 bulan dari tarikh arahan / keputusan.	Mematuhi prosedur & amalan kejuruteraan / Arah Teknik JKR	100 %
	2	Mengurus dan mengawasi kerja-kerja pembinaan di tapak bina termasuk membuat laporan bagi setiap peringkat kemajuan kerja bagi projek pembinaan di bawah peruntukan Majlis, Kerajaan Negeri & Persekutuan dengan sasaran tahunan;	Mematuhi prosedur & amalan kejuruteraan / Arah Teknik JKR	
		<ul style="list-style-type: none"> <li>• 90 % perlaksanaan projek dapat disiapkan dalam tempoh yang dijadualkan.</li> <li>• 90 % peruntukan projek dibelanja pada penghujung tahun.</li> </ul>		90% 90%
	3	Mengurus penyediaan lukisan rekabentuk dan sistem reked daftar lukisan / pelan susunatur untuk simpanan Jabatan dengan sasaran tahunan 100 % sistem daftar rekod baru disediakan untuk digunakan mulai Jun 2009	Mematuhi prosedur Jabatan / ISO	100 %
	4	Mengurus siasatan aduan awam dan penyediaan laporan siasatan bagi zon / kategori yang terlibat dengan sasaran tahunan 100 % laporan disediakan dalam tempoh 5 hari bekerja dari tarikh terima arahan.	Mematuhi prosedur Jabatan / ISO	100 %
	5	Urusetia kepada Mesyuarat Infrastruktur MDHS dengan sasaran tahunan 100 % laporan minit mesyuarat disediakan dalam tempoh 5 hari bekerja dari tarikh mesyuarat bersidang.	Mematuhi prosedur Jabatan / ISO	100 %
	6	Urusetia kepada Mesyuarat Khas Isu-isu Permasalahan Awam MDHS dengan sasaran tahunan 100 % laporan minit mesyuarat disediakan dalam tempoh 5 hari bekerja dari tarikh mesyuarat bersidang.	Mematuhi prosedur Jabatan / ISO	100 %



## 5) CARTA ORGANISASI JABATAN





## 6) JADUAL : BILANGAN KEROSAKAN INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN, 2011

BIL	JENIS KEROSAKAN	BILANGAN
1	LAMPU	133
2	JALAN	115
3	BONGGOL	15
4	LONGKANG	71
<b>JUMLAH</b>		<b>334</b>

### Ulasan

Kerja-kerja dilaksanakan secara berperingkat berdasarkan aduan yang kritikal. Pihak jabatan juga akan membuat tindakan susulan selepas peruntukan diperoleh.



BIL	JENIS PEMBAIKAN	BILANGAN
1	LAMPU	116
2	JALAN	81
3	BONGGOL	8
4	LONGKANG	51
<b>JUMLAH</b>		<b>256</b>

#### Ulasan

Kerja-kerja dilaksanakan secara berperingkat berdasarkan aduan yang kritisikal. Pihak jabatan juga akan membuat tindakan susulan selepas peruntukan diperoleh.

**JADUAL: BILANGAN PEMBAIKAN INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN, MENGIKUT KAWASAN 2011**

KAWASAN	LAMPU	JALAN (METER <sup>2</sup> )	BONGGOL	LONGKANG (METER)	LAIN-LAIN
HULU BERNAM		1000	-	100	
KALUMPANG		1000	-	200	
KERLING		500	-	-	
K.K.BHARU		1700	-	250	
RASA		500	-	300	
BATANG KALI		1000	-	150	
H. YAM BHRU	-	-	-	200	
H. YAM LAMA	-	-	-	200	
SERENDAH	-	-	-	200	
SUNGAI CHOH	-	-	-	-	
BUKIT FRASER	-	-	-	-	
GEN. HIGHLANDS	-	-	-	-	
B. BERUNTUNG	-	-	-	100	
B. SENTOSA		1000	-	100	
T. BUNGA RAYA		2500	-	-	
LEMBAH BERINGIN		500	-	100	
PRIMA BERUNTUNG	-	-	-	-	
SUNGAI BUAYA		500	-	-	

# Jabatan Perancangan Pembangunan



**1) FUNGSI**

- Memproses Kebenaran Merancang.
- Menyediakan Rancangan Tempatan Daerah dan Rancangan Kawasan Khas.
- Menyelaras program Local Agenda 21 dan Program Bandar Selamat.
- Menyelia Projek – Projek Konservasi dan Warisan.
- Memproses permohonan nama taman dan pelan alamat.
- Memberi ulasan teknikal untuk permohonan pemberimilikan dan TOL.
- Memberi ulasan teknikal kepada Permohonan Pelan Bangunan mengikut Seksyen 70, Akta 133.
- Memberi ulasan teknikal untuk permohonan lesen.
- Menyelia Sistem GIS.
- Menyelia Sistem Murninet dan Sistem Dasar Perbandaran Negara (DPN).
- Pemantauan Program Pemutihan Kilang Tanpa Izin Negeri Selangor.

**2) OBJEKTIF**

Mengawal dan merancang pembangunan mengikut perundangan dan garis panduan yang telah ditetapkan untuk keselesaan, keselamatan serta keharmonian penduduk di Majlis Daerah Hulu Selangor.

**3) LAPORAN PRESTASI SASARAN TAHUNAN 2011**
**SASARAN KERJA TAHUN 2011  
JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN**

RINGKASAN PROJEK	PETUNJUK PRESTASI				PENCAPAIAN SASARAN KERJA TAHUNAN				CATATAN
	KUALITI	KUANTITI	MASA	KOS (RM)	KUALITI	KUANTITI	MASA	KOS (RM)	
<b>A. BAHAGIAN KAWALAN PERANCANGAN</b>									
1. Kebenaran merancang	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memproses semua kebenaran merancang dalam tempoh 3 bulan</li> <li>• Borang C1</li> <li>• Borang C2</li> </ul>	• Januari - Disember	Sasaran kutipan Fee: RM150,000.00		Jumlah Permohonan = 96 Borang C1 = 42 Borang C2 = 21 Lulus Mesyuarat = 69 Belum bawa Mesyuarat = 5 Batal = 1 Jumlah = 96	Januari - Disember	Kutipan sehingga Disember 2011 RM1,199,630.80		
2. Pelan alamat dan nama jalan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memproses permohonan dalam tempoh 2 bulan</li> <li>• Pelan alamat dan nama jalan</li> </ul>	• Januari - Disember			Jumlah Permohonan = 11 Lulus = 11 Tolak = 0	Januari - Disember	Kutipan sehingga Disember 2011 RM1,245.00		




RINGKASAN PROJEK	PETUNJUK PRESTASI				PENCAPAIAN SASARAN KERJA TAHUNAN				CATATAN
	KUALITI	KUANTITI	MASA	KOS (RM)	KUALITI	KUANTITI	MASA	KOS (RM)	
3. Ulasan teknikal permohonan lesen	• Memberi ulasan kepada permohonan lesen dalam tempoh 14 hari	• Ulasan lesen	• Januari - Disember			Jumlah Permohonan = 149	Januari - Disember		
4. Ulasan teknikal permohonan tanah	• Memberi ulasan permohonan tanah dalam tempoh 14 hari	• Memberi ulasan permohonan tanah dalam tempoh 14 hari	• Januari - Disember			Jumlah Permohonan = 136 Lulus = 87 Tolak = 35 KIV = 14	Januari - Disember		
5. Ulasan teknikal permohonan pelan bangunan	• Memberi ulasan permohonan pelan bangunan dalam tempoh 14 hari	• Ulasan pelan bangunan	• Januari - Disember			Jumlah Permohonan = 117 Lulus = 89 Tolak = 17 KIV = 6	Januari - Disember		
6. Program pemutihan kilang tanpa kebenaran	• Inventori kilang tanpa kebenaran  • Surat peringatan kepada pemilik kilang	• Senarai kilang tanpa kebenaran  • Permohonan KM	• Januari - Disember  • Februari - Mei			57 buah kilang  4 telah diputihkan			Program dilanjutkan sehingga Disember 2012
7. Inventori Tadika / Taska	• Inventori Tadika / Taska seluruh daerah Hulu Selangor	• Tadika/ Taska	• Januari - Disember		Laporan inventori Tadika/ Taska	203	April 2011		Selesai
<b>B. BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN</b>									
1. Draf rancangan tempatan daerah Hulu Selangor 2020	• Menyemak dan mamantau pindaan guna tanah dan semakan laporan akhir draf	• Pelan guna tanah  • Laporan draf RTD	• Januari		Rancangan tempatan daerah Hulu Selangor	No Warna 142	Januari 2011		Selesai
2. Perwataan kawasan lapang	• Proses pewartaan dan pemakluman pewartaan  • Kenalpasti dan inventori kawasan lapang  • Melantik juru ukur berdaftar untuk pengukuran semula  • Mengemukakan permohonan kepada Pejabat Tanah untuk pewartaan	• Notis warta • Mesyuarat penuh majlis  • Inventori kawasan lapang  • Pelan ukur  • Senarai kawasan lapang diwartakan	• Januari - Februari  • Januari - Februari  • Mac - Mei  • Mei - Disember	RM50,000.00	Kawasan bukit Beruntung / Bukit Sentosa  Juru Ukur  Dikemukakan ke PTDHS pada 23 Ogos 2011	53 kawasan  Pelan ukur  40 pelan		RM49,608.00	Ruj. Bil (1) dalam MDHS 493/89 Jid.5  Pelan dikemaskini di dalam pelan GIS

RINGKASAN PROJEK	PETUNJUK PRESTASI				PENCAPAIAN SASARAN KERJA TAHUNAN				CATATAN
	KUALITI	KUANTITI	MASA	KOS (RM)	KUALITI	KUANTITI	MASA	KOS (RM)	
3. GIS	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pengumpulan, mengemaskini dan memantau maklumat GIS bagi seluruh Daerah Hulu Selangor</li> <li>Nama-nama jalan dalam kampung-kampung baru</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kemaskini maklumat pembangunan yang telah diluluskan kebenaran merancang</li> <li>Pelan nama jalan kampung</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Januari - Disember</li> <li>Feb - April</li> </ul>	RM43,860.00	<p>Pelan guna tanah Daerah Hulu Selangor</p> <p>5 pelan jalan kampung</p>	<p>Pelan nama jalan kampung</p>	Disember		<p>Kemaskini secara berkala setiap permohonan lulus</p> <p>Pelan siap dan akan dibawa untuk kelulusan pada Januari 2012</p>
<b>C. PROJEK-PROJEK KHAS</b>									
1. Projek fasa 2 menaiktaraf rumah rehat Gap. Bukit Fraser	<ul style="list-style-type: none"> <li>Lantikan kontraktor</li> <li>Menyelaras kerja-kerja pemajuan di tapak</li> <li>Memantau dan mengesahkan serahan siap kerja di tapak</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Dokumen perjanjian</li> <li>Laporan kerja</li> <li>Surat serah dan siap kerja</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mac</li> <li>April - Jun</li> <li>Disember</li> </ul>						Projek tindakan Kementerian Pelancongan Malaysia dan Pejabat Pembangunan Negeri
2. Projek konservasi Rumah Genset untuk menukar guna kepada Tandas Awam di Bukit Fraser	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memantau dan menyelaras kerja-kerja di tapak</li> <li>Memantau dan mengesahkan siap kerja di tapak</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Laporan kerja</li> <li>Surat serah dan siap kerja</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Januari</li> <li>Februari</li> </ul>	RM100,000.00			31 Mac 2011	RM100,000.00	Selesai
3. Pelan strategik jabatan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mesyuarat semakan semula</li> <li>Pindaan pelan strategik</li> <li>Bentang Majlis penuh</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Minit mesyuarat</li> <li>Laporan pelan strategik</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Januari</li> <li>Februari</li> <li>April</li> </ul>						Bengkel penyediaan pelan strategik MDHS didalam pejabat MAMPU




## 6) CARTA ORGANISASI JABATAN



JADUAL: BILANGAN PERMOHONAN YANG DITERIMA OLEH PBT, 2011

BIL	JENIS PERMOHONAN	BULAN											
		1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12
1	PENERIMAAN PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG	11	-	10	10	6	13	7	13	3	7	2	13
2	KELULUSAN KEBENARAN MERANCANG	6	13	3	10	12	9	5	10	9	4	7	6
3	PENAMAAN TAMAN DAN NAMA JALAN	1	-	1	1	1	2	2	-	-	2	-	-



JADUAL: SENARAI PROGRAM LA21

BIL	TEMPAT	TARIKH
1.	PROGRAM ANAK ANGKAT KOLAM AIR PANAS HULU TAMU	26 MAC 2011
2.	PROGRAM INDAH PERSEKITARAN	25 SEPTEMBER 2011 – 25 DISEMBER 2011
3.	KEM KENALI REMAJA	20 NOVEMBER 2011
4.	PROGRAM RIVER RANGER & KEMPEN BERHUBUNG DENGAN ALAM	20 NOVEMBER 2011

# Jabatan Perkhidmatan Bandar Dan Persekutuan



**1) FUNGSI**

- Mengawalselia jadual kutipan sisa pepejal.
- Mengawalselia perkhidmatan kebersihan pasar harian, pasar malam, pasar pagi, tandas awam dan dewan orang ramai.
- Menyediakan perkhidmatan kemudahan tapak pelupusan sisa pepejal di Tapak Pelupusan Bukit Beruntung dan Tapak Pelupusan Sg Sabai, Kalumpang.
- Pengurus penyediaan kerja-kerja pencegahan dan pemadamkan kebakaran tapak.
- Mengawal aktiviti pengutip sampah haram.
- Menyelaras aktiviti social seperti Kempen Kebersihan, Gotong- Royong dan Penjagaan Alam Sekitar.
- Mengawal dan memantau kesihatan awam seperti pencegahan punca wujudnya penyakit berjangkit.
- Menguruskan Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Pelesenan, Sewaan dan Pentadbiran Bangunan serta Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Kemudahan Awam, Perkhidmatan Bandar, Rekreasi dan Aduan Awam.

**2) LAPORAN PRESTASI SASARAN TAHUNAN 2011**

CADANGAN PROGRAM / AKTIVITI	SASARAN	STRATEGI	PRESTASI 2011
Pengurusan Sisa Pepejal	Kebersihan Maksima	<ul style="list-style-type: none"><li>a) Serahkan Perkhidmatan Sisa Pepejal kepada Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara.</li><li>b) Mesyuarat yang lebih kerap dengan Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara.</li><li>c) Pemasangan papan tanda.</li></ul>	Perkhidmatan kutipan sisa pepejal tidak diserahkan kepada Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal. Kerajaan Negeri bersetuju tidak menggunakan Akta 672 & Akta 673 Pemantauan ke atas kerja- kerja kontraktor sampah dilakukan secara berkala. Kos kerja-kerja pengurusan sisa pepejal bagi tahun 2011 adalah RM 7,017,919.33
	Pembuangan sampah haram yang minima	<ul style="list-style-type: none"><li>a) Penyediaan tong sampah untuk penduduk melupuskan 'Bulky Waste'</li><li>b) Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara akan diarah membuat kempen Anti Pembuangan Haram</li><li>c) Penguatkuasaan Undang- undang Kecil</li></ul>	Bilangan keseluruhan aduan pengurusan sisa pepejal bagi tahun 2011 adalah 122 aduan.




CADANGAN PROGRAM / AKTIVITI	SASARAN	STRATEGI	PRESTASI 2011
Pemotongan Rumput	Mengekalkan kekemasan ke tahap maksima	<p>Semua bahu jalan, kawasan perumahan dan kawasan lapang dipotong mengikut jadual iaitu :</p> <p>Kawasan lapang dan bahu jalan 1x sebulan</p> <p>Padang bola dan Taman permainan kanak-kanak 2x sebulan</p> <p>Pemasangan papan tanda</p> <p>Semua sisa rumput di buang /disapu selepas kerja di buat</p> <p>Pemilihan Kontraktor yang lebih berwibawa serta berkemampuan untuk menjalankan tugas</p> <p>Mesyuarat dan perbincangan dengan kontraktor diadakan 3 kali setahun</p>	<p>Kerja-kerja pemantauan ke atas kontraktor pemotongan rumput dijalankan secara berkala.</p> <p>Kos kerja-kerja penyelenggaraan rumput bagi tahun 2011 adalah RM 4,957,883.68</p> <p>Bilangan keseluruhan aduan rumput bagi tahun 2011 adalah sebanyak 92 aduan.</p>
Pembersihan longkang, parit dan saliran	Memastikan saliran berfungsi ke tahap Maksima	<p>Semua parit dan longkang dibersihkan mengikut tempoh sepanjang 10 bulan (projek perintis)</p> <p>Semua sisa parit dan longkang diangkat /dibuang / dilupuskan dengan serta merta atau dalam tempoh satu hari selepas kerja dibuat</p> <p>Pemilihan Kontraktor yang lebih ketat, kontraktor yang berwibawa dan menunjukkan komitmen yang baik</p> <p>Menguatkuasakan Undang-undang Kecil dan Akta 171</p>	<p>Pembersihan longkang secara Program Perintis 3E (Efektif, Effisen, Ekonomik) telah dilaksanakan</p> <p>Kos kerja-kerja pembersihan longkang bagi tahun 2011 adalah RM 2,031,727.00.</p> <p>Bilangan keseluruhan aduan mengenai longkang, saliran dan parit bagi tahun 2011 adalah sebanyak 224 aduan.</p>
